

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HBT 213 – Sintaksis dan Semantik untuk Penterjemahan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan di dalam **LIMA [5]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Gunakan satu buku jawapan untuk **Bahagian A** dan satu buku jawapan yang lain untuk **Bahagian B**. Serahkan kedua-dua buku jawapan ini secara berasingan.

Bahagian A

Jawab mana-mana **DUA [2]** soalan.

1. Jawab [a] dan [b]. Baca ayat-ayat [i]-[v]. Kemudian,

[a] terjemahkan ayat-ayat ini ke dalam bahasa Melayu.

[b] nyatakan perbezaan atau persamaan di antara struktur ayat bahasa Inggeris dan struktur ayat bahasa Melayu.

[i] Siti or Omar has arrived at the house.

[ii] I am not sure whether Irene passed the test or not.

[iii] The three girls, all dressed in red, are my sisters.

[iv] It was raining heavily last night.

[v] There was a grey rabbit in his hat.

[25 markah]

2. Huraikan, berdasarkan data yang berikut, persamaan atau perbezaan proses morfologi bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

Return
Logical
Sheep
Nutshell
Would

[25 markah]

3. Bincangkan, dengan penggunaan contoh-contoh berikut serta gambarajah pohon yang sesuai, persamaan atau perbezaan di antara struktur ayat pasif bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu.

The car was driven by me.
The cake was baked by you.
The book was written by her.
The paper was typed by Omar.
The boys were chased by the monkeys.

[25 markah]

Bahagian B

Bahagian B mengandungi **EMPAT [4]** soalan. Jawab **DUA [2]** soalan sahaja. Soalan nombor 4 **WAJIB** dijawab. Pilih mana-mana **SATU [1]** soalan yang lain. Jawapan mestilah tepat dan bernas.

4. Di dalam kajian makna terdapat beberapa istilah dan antaranya adalah:

- [a] **antonim**
- [b] **polisemi**
- [c] **homonim**
- [d] **homofon**
- [e] **homograf**
- [f] **makna figuratif**

Sila berikan **takrifan** masing-masing terhadap istilah tersebut dan sertakan **2 contoh** ayat di dalam Bahasa Inggeris dan **2 contoh** ayat lagi di dalam Bahasa Malaysia bagi **setiap satu** istilah. **Gariskan** dan **bincangkan** perkataan-perkataan yang dimaksudkan.

[30 Markah]

5. Makna yang hendak diungkapkan kadangkala dalam bentuk tersirat dan tersurat. Perhatikan contoh-contoh ayat di bawah ini.

[a] Terjemahkan set-set ayat [I] dan [II] ke dalam Bahasa Inggeris dan set-set ayat [III] dan [IV] ke dalam Bahasa Malaysia dengan tepat.

[b] Perkataan “ **gila** ”, “ **batu** ”, “ **snake** ” dan “ **chicken** ” pada contoh-contoh tersebut memiliki makna **tersirat** dan **tersurat**. Jelaskan.

[I] [a] Dia gila perempuan.
[b] Dia perempuan gila.

[II] [a] Dia duduk di atas batu.
[b] Hatinya seperti batu.

[III] [a] He was bitten by a poisonous snake.
[b] He is like a snake in the grass.

[IV] [a] She loves to eat chicken.
[b] She is no chicken.

[20 markah]

6. Di dalam bukunya yang bertajuk “Semantics”, G.Leech (1981) telah menghuraikan 7 jenis makna. Pilih dan huraikan (5) dari (7) makna –makna tersebut dengan menyertakan contoh-contoh ayat dalam Bahasa Melayu atau Inggeris.

[20 Markah]

7. “An ambiguity is a word or statement which is not clear and which can be understood in more than one way” (Collins Cobuild English Language Dictionary, 1987).

Apa yang dimaksudkan di atas adalah konsep ketaksaan. Dalam contoh-contoh ayat-ayat di bawah ini terdapat ketaksaan di mana makna-makna yang diujarkan tidak berapa jelas. Nyatakan ketaksaan yang ada pada ayat-ayat berikut.

[A]

At a security company: *Been burgled? Get alarmed!*



[B]

At a nursery: *We are a growing concern*



[C]

Wanted: Small flat with stove to enable tenant to cook himself.




[D]

I took a picture of Big Ben flying into Heathrow.



[E]

He ran down the stairs to put out the fire in his pyjamas.



- [F] Beautiful house for sale for only £120 000. It won't last long, so contact us soon.
- [G] This suitcase is perfect for the busy traveller with a sturdy exterior and soft middle.
- [H] A newspaper headline: "Man critical after shooting"
- [I] I don't discuss my husband's affairs with my friends.
- [J] Include your children when baking cookies.

[20 markah]